

31 OCT 2002

MESYUARAT MAJLIS RAJA-RAJA BINCANG SOAL KESELAMATAN

KUALA LUMPUR, 31 Okt (Bernama) -- Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-195 selama dua hari di Istana Negara berakhir hari ini dengan membincangkan perkara berkaitan keselamatan dan kedudukan terkini ekonomi negara.

Mesyuarat itu yang dihadiri Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail turut membincangkan soal agama dan pelantikan.

Seri Paduka Baginda diiringi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, demikian menurut kenyataan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja hari ini.

Yang turut hadir ialah Raja-raja dan Yang Dipertua Negeri, kecuali Sultan Perak yang diwakili oleh Pemangku Raja Perak, Raja Nazrin Shah, Sultan Johor yang diwakili oleh Tengku Mahkota dan Sultan Kedah yang diwakili oleh Tengku Bendahara.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

-- BERNAMA  
ZMN AZZ HM